

# Kelestarian Budaya Orang Melayu Keturunan Jawa dan Perdamaian : Kajian Kes di Pontian Johor<sup>®</sup>.

## Pengenalan

“Semua orang Jawa itu berbudaya satu. Mereka berpikiran dan berperasaan seperti moyang mereka di Jawa Tengah dengan kota-kota Yogya dan Sala sebagai pusat-pusat kebudayaan. Baik mereka yang masih tinggal di Pulau Jawa maupun mereka yang sudah menjadi warga negara Suriname ataupun mereka yang telah menemukan tempat tinggal baru di daerah-daerah transmigrasi di luar Jawa, mereka tetap berkiblat pada Yogya dan Sala dalam menghayati hidup budaya mereka” (Marbagun Hardjowirogo, 1989:7).

Hakikatnya budaya Jawa diamalkan bukan saja di negara asal orang Jawa tetapi juga di luar negara asal orang Jawa. Biarpun sebahagian besar masyarakat keturunan Jawa di Malaysia tidak pernah menjejak kaki di negara kelahiran nenek moyang ataupun berhubungan tetapi mereka masih mengamalkan budaya yang diwarisi daripada nenek moyangnya.

Biarpun kebanyakan generasi pertama orang Jawa yang datang ke Tanah Melayu pada ketika itu telah meninggal dunia tetapi warisan budaya dan kesenian tradisional Jawa tetap diamalkan oleh generasi kedua dan seterusnya. Satu hal yang jelas, kesenian tradisional Jawa yang pernah diamalkan oleh generasi pertama dan kedua telah semakin pupus pada masa ini seperti *jidur*, *ande-ande lumut*, *wayang kulit*<sup>1</sup>. Budaya-budaya tradisional yang pernah

---

<sup>®</sup> Kertas Kerja ini adalah hasil penyelidikan geran insentif 2008 – 2009, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

<sup>1</sup> Jidur adalah gong besar yang mempunyai dua permukaan yang diperbuat daripada kulit kambing atau lembu. Jidur dipalu dengan pemukul yang diperbuat daripada kayu. Ia juga merupakan salah satu daripada alat-alat muzik yang dimainkan dalam tarian kuda kepang dan wayang kulit, kemplingan. Jiduran bermaksud hanya memainkan alat-alat muzik gamelan dan jidur pada majlis sunatan atau perkahwinan. Ia bertujuan untuk memeriahkan suasana dan menghiburkan penduduk kampung yang rewang menyiapkan juadah untuk jamuan majlis perkahwian (Nik Mustafa Nik Mohd Salleh, 1998).

diamalkan generasi pertama dan kedua juga semakin lenyap hilang seperti *mu'yi lek-lek'an, kerigan, sambatan*.<sup>2</sup>

Tidak semua budaya dan kesenian tradisional Jawa dipinggirkan oleh keturunan Jawa di Pontian. Budaya yang diamalkan secara langsung seperti makanan, nilai, norma, bahasa tetap diamalkan oleh keturunan Jawa di Pontian. Malahan budaya gotong royong orang Jawa ketika mengadakan kenduri kendara iaitu *rewang* juga telah diamalkan oleh orang Melayu.

Sikap orang Melayu dan keturunan lain seperti Bugis dan Banjar yang bertolak ansur antara satu sama lain, menghormati budaya orang lain membolehkan masyarakat keturunan di Pontian dapat hidup aman damai. Meskipun berbeza budaya dan cara hidup tetapi anutan agama yang sama iaitu Islam menjadi penyatu masyarakat keturunan di Pontian.

Satu hal yang tidak dapat dinafikan ialah sikap orang Melayu (masyarakat tempatan) yang boleh menerima kehadiran orang Melayu keturunan tanpa prasangka. Keadaan ini membolehkan kaum-kaum pendatang mengamalkan budaya keturunan/ asal mereka dengan aman dan bertahan hingga ke hari ini.

### **Orang Jawa di Pontian Johor**

Bagaimana orang Jawa boleh berada di Malaysia? Pelbagai faktor dapat dikaitkan dengan keberadaan orang Jawa di Malaysia. Salah satunya ialah rancangan pentadbiran British menjelang 1880an iaitu pembukaan kawasan

Ande Ande Lumut adalah cerita rakyat yang berasal dari Jawa . Mengisahkan tentang Kerajaan Daha dan Kediri yang bersatu semula melalui perkahwinan Putera dan Puterinya ([http://id.wiki/Ande\\_Ande](http://id.wiki/Ande_Ande) ).

<sup>2</sup> *Mu'yi* – meziarah bayi yang baru dilahirkan pada waktu malam. Jiran tetangga lelaki dan perempuan akan beramai-ramai menziarah keluarga yang mendapat cahaya mata baru. Tuan rumah akan menjamu tetamu dengan kuih muih. Biasanya jiran tetangga akan membawa buah-tangan seperti kopi, gula, kuih kering dan basah. Budaya ini sudah tidak di amalkan lagi. Walaupun amalan menziarah jiran tetangga masih dilakukan tetapi waktunya adalah pada siang hari. Ia hanya dilakukan oleh kaum wanita (Hasil survey, 2009).

*Lek lek'an* – berjaga malam dalam kalangan orang lelaki dengan membaca berzanji semasa *mu'yi* ((Hasil survey, 2009).

hutan untuk dijadikan kawasan perkebunan, perkampungan dan perladangan (Khazin Mohd. Tamrin, 1987). Melalui dasar ini juga pihak Inggeris telah mengambil kesempatan untuk mempergunakan orang Melayu yang mempunyai kemahiran dalam bidang pertanian agar terus menetap di kampung dan menjadi pembekal makanan untuk masyarakat perkampungan, perladangan dan bandar (Khazin Mohd Tamrin, 1987). Dalam masa yang sama juga tradisi merantau juga turut diperalatkan untuk memenuhi tuntutan kolonial yang memerlukan tenaga pekerja dan peneroka tanah khasnya orang Melayu dari Kepulauan Melayu (Indonesia). Kerjasama dengan pihak kolonial Belanda di Hindia Timur membolehkan aktiviti merantau yang sekian lama berjalan lancar semakin mendapat perhatian daripada kalangan etnik dari Indonesia. Namun sehingga tahun 1947, dari laporan banci penduduk Malaya didapati 60% daripada perantau yang berhijrah berasal daripada Pulau Jawa (Khazin Mohd Tamrin, 1987).

Selepas tahun 1900an daerah Kukup (Pontian) banyak didatangi oleh pendatang-pendatang dari Jawa dan sedikit suku bangsa lainnya seperti Banjar dan Kerinci dari kepulauan Hindia Timur (sekarang Indonesia). Orang-orang Jawa dan suku-suku bangsa rumpun Melayu ini telah meneroka dan membuka hutan bagi dijadikan kampung (Saghidon Dirhan, 2004).

Kedatangan dan penghijrah orang-orang Jawa dari Tanah Jawa ini bukan sahaja bertumpu di daerah Kukup (Pontian) malah ke daerah-daerah lain di Johor terutama di Muar dan Batu Pahat. Ini menjadikan daerah-daerah ini dikenali sebagai 'koloni Jawa' (Asmah Hj.Omar., 1965).

### **Latar belakang kawasan kajian**

Pontian merupakan salah satu daerah di negeri Johor. Keluasan 12,238,354 hektar. Jumlah kawasan 10 buah. Jumlah kampung 53 buah. Jumlah penduduk 30,081 orang. Pontian berasal dari perkataan "Perhentian". Pada zaman dahulu di kuala sungai inilah jadi tempat perhentian atau persinggahan orang-

orang yang berperahu atau bersampan yang melalui perairan ini untuk singgah berlabuh sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi yang lain (Saghidon Dirhan, 2004).

### **Parit identiti kampung orang Melayu Keturunan Jawa**

Orang-orang Jawa meneroka tanah hutan di kawasan pendalaman dan membina “parit besar” sepanjang kampung bagi memudahkan laluan air untuk mengeringkan tanah-tanah kebun mereka. Di tepi parit besar ini dibuat pula jalan raya selari dengan panjangnya parit (Asmah Hj. Omar, 1965)

Hampir keseluruhan kampung-kampung yang diteroka dan dibuka di daerah ini terutama yang diteroka oleh orang-orang Jawa adalah diawali dengan nama “Parit” kerana kampung ini bentuknya memanjang di sebelah menyebelah parit yang digali (Saghidon Dirhan, 2004).

Kampung-kampung keturunan Jawa dinamakan sempena dengan orang pertama yang membuka kampung ataupun tempat asal pengasas kampung tersebut atau peristiwa-peristiwa yang terjadi di tempat tersebut.

### **Sistem Parit**

Orang-orang Jawa meneroka tanah hutan di kawasan pendalaman dan membina “parit besar” sepanjang kampung bagi memudahkan laluan air untuk mengeringkan tanah-tanah kebun mereka. Di tepi parit besar ini dibuat pula jalan raya selari dengan panjangnya parit (Asmah Hj. Omar, 1965)

Mereka menamakan kampung mereka dengan nama ketua peneroka atau nama daerah tempat asal mereka di Tanah Jawa. Akhirnya kampung-kampung ini dikenali dengan awalan “parit” seperti Parit Jawa, Parit Semarang, Parit Kudus, Parit Ponorogo, Parit Madirono, Parit Wagiman, Parit Joyo dan lain-lain lagi. Kampung-kampung Jawa ini diketuai oleh ketua kampung atau kepala parit

yang dalam kalangan orang-orang Jawa biasa disebut “Pak Lurah”( Saghidon Dirhan, 2004).

### **Kampung-kampung orang Melayu Keturunan Jawa di Pontian**

#### *Parit Semerah*

Nama Parit semerah adalah sempena nama Semerah di Batu Pahat iaitu kampung asal para peneroka dan pembuka awal kampung ini. Mereka datang meneroka dan membuka Parit Semerah Pontian pada pada penghujung tahun 1890an dan awal 1900an ( Saghidon Dirhan, 2004).

#### *Parit Kudus*

Kampung parit Kudus telah diteroka dan dibuka sekitar tahun 1920an oleh penghijrah-penghijrah dari daerah Kudus, Jawa Tengah Indonesia. Dengan itulah mereka menamakan kampung mereka sempena nama daerah asal mereka di Tanah Jawa ( Saghidon Dirhan, 2004).

#### *Parit Kayu Ara Pasong*

Kampung ini telah diteroka dan dibuka oleh penghijrah-penghijrah dari Tanah Jawa yang diketuai oleh Haji Siraj bin Bontamin. Kampung ini memperoleh namanya kerana wujudnya dua pokok kayu ara diantara dua tebing sungai. Dahan-dahan kedua-dua pokok kayu ara ini bertemu dalam keadaan seperti berpasung (Saghidon Dirhan, 2004).

#### *Parit Sulaiman, Parit Wahab, Parit Hj. Siraj*

Kampung-kampung ini adalah kampung-kampung Jawa yang diteroka oleh penghijrah-penghijrah dari Tanah Jawa pada awal tahun 1900an (Saghidon Dirhan, 2004)

### *Parit Sikom*

Nama parit ini adalah sempena nama ketua peneroka yang meneroka dan membuka kampung ini wak Sikom bin Isa bersama beberapa pengikutnya dari Tanah Jawa pada awal tahun 1900an (Saghidon Dirhan, 2004).

### *Parit Sg. Naga, Parit Hj. Zain, Parit Haji Omar, Parit Haji Abdul Rahman, Parit Haji Dahlan*

Kampung-kampung ini terletak di Api-api iaitu kampung yang dibuka oleh orang Melayu. Selepas tahun 1900 di buka kampung-kampung baru di sebelah darat oleh penghijrah-penghijrah dari Jawa (Saghidon Dirhan, 2004).

### **Kelestarian budaya keturunan Jawa di Pontian**

Mengapa keturunan Jawa di daerah kajian tetap mengamalkan budaya warisan nenek moyang mereka? Mereka telah diinternalisasikan dengan budaya Jawa sejak kecil. Tambahan pula mereka tinggal secara kumpulan dengan membentuk masyarakat sendiri. Keadaan ini secara tidak langsung telah menghalang terjadinya kepupusan budaya Jawa. Biarpun budaya yang diamalkan sudah banyak diadaptasi daripada budaya masyarakat Melayu namun tujuannya bukan untuk menghilangkan budaya tersebut tetapi untuk kelestarian budaya itu sendiri. Keadaan ini juga membolehkan masyarakat hidup aman damai biarpun mengamalkan budaya yang berbeza.

Orang Jawa yang tinggal di luar Pulau Jawa dapat juga dianggap sebagai suatu sub variasi dari kebudayaan Jawa yang berbeza; akan tetapi perlu diperhatikan bahawa orang Jawa yang dipindahkan ke Sumatera Selatan atau yang bermigrasi ke perkebunan-perkebunan tembakau di Sumatera Utara misalnya tetap mempertahankan kebudayaan asli mereka dan kerana itu tetap memperlihatkan sifat-sifat dari logat dan adat istiadat daerah asalnya. Orang Jawa yang merantau ke Semenanjung Malaya atau yang diperkerjakan sebagai budak atau pekerja perkebunan di Afrika Selatan, Sri Lanka, Surinam, Curacao,

dan Kaledonia Barat tentu mengembangkan variasi-variasinya sendiri dari kebudayaan Jawa (Koentjaraningrat, 1984:29).

### **Kelestarian Bahasa Jawa.**

Bahasa merupakan identiti sesuatu bangsa. Keturunan Jawa di daerah kajian ini aktif berbicara dalam bahasa Jawa berdasarkan individu yang berinteraksi dengannya. Bahasa Jawa yang digunakan ialah bahasa Jawa kasar. Majoriti responden tidak boleh berbahasa Jawa halus. Keadaan ini terjadi kerana mereka tidak pernah diajar atau didedahkan dengan bahasa Jawa halus. Bahasa Jawa terbahagi kepada tiga tingkatan iaitu gaya tak resmi, gaya setengah resmi, gaya resmi (*Ngoko, Madya dan Krami*). Gaya bahasa yang berbeza digunakan berdasarkan kedudukan yang lebih tinggi atau lebih senior umurnya (Koentjaraningrat, 1984).

Sesuatu yang membimbangkan tentang bahasa Jawa di daerah kajian ini ialah menurunnya penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan generasi muda. Peratus ibu bapa yang berinteraksi menggunakan bahasa Melayu lebih tinggi berbanding bahasa Jawa atau kedua-dua sekali. Ibumbapa yang berperanan sebagai agen sosialisasi untuk mengajarkan bahasa Jawa kepada anak-anak semakin menurun. Mereka berpendapat bahawa bahasa Jawa sudah tidak relevan pada masa sekarang. Pergaulan anak-anak semakin luas bukan hanya dengan rakan sekampung jadi mereka berfikir menguasai sepenuhnya bahasa Melayu adalah lebih baik. Ianya akan memudahkan anak-anak bergaul dan bercakap dengan orang lain.

Jadual 1: Bahasa Interaksi

Bahasa Interaksi	Melayu	Jawa	(campur - Melayu dan Jawa)
Pasangan	20	20	60
Ibubapa		80	20
Jiran kawan		70	30

Adik beradik		80	20
Anak-anak	70	10	20

Sumber: Hasil Survey 2009

## 2. Kelestarian Menu Tradisional Jawa

Kajian ini mendapati dalam kehidupan seharian pilihan menu makanan ialah menu tradisional masyarakat Jawa. Pada acara-acara yang melibatkan orang lain, pilihan menu ialah gabungan hidangan Melayu Jawa. Keadaan ini disebabkan terdapat menu tradisional Jawa tidak sesuai untuk dijamu pada kenduri kendara tertentu. Contohnya dalam majlis perkahwinan menu yang biasa di sajikan ialah nasi minyak, nasi briyani. Ini merupakan kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat di negeri Johor. Menu tradisional di masak untuk dijamu pada hari rewang<sup>3</sup> sahaja.

Manakala pada majlis-majlis kenduri yang lebih kecil seperti *slametan*, *punggahan* (*kenduri arwah yang diadakan sebelum bulan puasa*) hidangan yang disajikan untuk tetamu ialah *nasi ambeng*<sup>4</sup> dan kuih muih moden dan tradisional. Nasi ambeng ialah nasi yang dibubuh dalam dulang besar kemudian dibahagian atas dibubuh daun pisang yang digunting bulat (*samir*). Di atas daun pisang tadi dibubuh lauk seperti ayam masak kicap, serunding, mee hoon goreng, mee goreng, sambal goreng, rempeyek kacang atau ikan bilis. Semua lauk yang diletakkan diatas daun pisang adalah lauk-lauk yang tidak berkuah. Tujuannya supaya nasi tetap kering dan lambat basi. Setiap *ambeng* dimakan oleh empat atau lima orang. Nasi yang tidak habis dimakan tadi akan dibahagikan kepada empat atau lima bahagian dan dibungkus untuk dibawa balik. Nasi tersebut disebut *berkat*. Asal usul *berkat* itu bertujuan memberi peluang anak-anak dan isteri untuk merasa hidangan kenduri. Pada masa awal kedatangan orang Jawa

<sup>3</sup> Rewang merupakan aktiviti gotong royong untuk memasak atau menyediakan juadah bagi majlis-majlis seperti perkahwinan, sunatan, slametan dan lain-lain (Hasil survey, 2009).

<sup>4</sup> Nasi ambeng dihidangkan sebelum imam membaca doa tahlil. Menurut responden *berkat* nasi ambeng sedap kerana ia dibacakan doa oleh imam (Hasil survey, 2009).



untuk membuka kampung, taraf hidup dan keadaan ekonomi orang Jawa adalah susah. *Berkat* menjadi simbol untuk sama-sama merasa dan menikmati makanan yang dimakan oleh orang lelaki yang pergi kenduri dan tuan rumah.

Pada majlis perkahwinan atau sunatan, masyarakat keturunan Jawa di daerah ini juga menyediakan *berkat*. *Berkat* ini dibungkus khas untuk diberikan kepada tetamu atau saudara mara dan kenalan rapat yang hadir maupun mereka yang *kirim sumbang*. *Kirim sumbang* ialah hadiah duit untuk tuan rumah daripada mereka yang dijemput tetapi tidak dapat datang. *Berkat* juga diberikan kepada semua orang yang *rewang* sebagai tanda menghargai jiran dan saudara mara yang telah membantu melaksanakan majlis perkahwinan tersebut.

Pada hari ini *nasi ambeng* boleh dinikmati pada bila-bila masa saja kerana ia dijual di pasar malam, gerai makanan dan bazar-bazar ramadhan. Jika dulu nasi ambeng hanya dapat dinikmati apabila ada kenduri slametan atau *punggahan*. Ini menunjukkan makanan tradisional ini telah menjadi milik semua rakyat di Malaysia.

Jadual 2 : Pilihan Menu

Upacara Jenis Menu	Hidangan harian (%)	Kenduri biasa (%)	Kenduri Kahwin (%)	Perayaan (%)
Menu Melayu		5		
Menu Jawa	80	15		
Menu Melayu Jawa	20	80	100	100

Sumber: Hasil Survey 2009

### 3. Tatakrama Jawa (*hormat, rukun, lembut, sopan*)

Kajian ini menemukan bahawa 100% responden mengamalkan tatakrama Jawa (*hormat, rukun, lembut, sopan*). Alasan mereka masih berpegang teguh dengan tatakrama tersebut kerana didikan orang tua dan ciri khas orang Jawa. Hormat yang dimaksudkan di sini ialah mengutamakan orang yang lebih tua sama ada dengan panggilan, gaya bahasa dan tingkah laku. Jika kita tidak melakukan hal tersebut ia dianggap *delodok* atau kurang ajar. Selain itu cara penghormatan berdasarkan perbuatan seperti *munjung* apabila ada kenduri kendara terutamanya pada hari raya. Ini adalah menunjukkan kita mengingati dan menghormati mereka sebagai orang yang dituakan.

Selain itu kehidupan rukun / harmoni sangat diutamakan. Pergaduhan, permusuhan sangat dihindari. Bergaduh secara terbuka adalah satu hal yang sangat memalukan. Hasil kajian ini menemukan 100% responden tidak pernah bergaduh, bermusuhan dengan jiran tetangga. Menurut responden mereka saling menjaga tingkah laku dan perkataan agar tidak menyakitkan hati jiran tetangga. Hal-hal yang menyakitkan atau menyinggung perasaan tidak dianggap serius. Hubungan responden dalam kajian ini sangat rapat antara satu sama lain kerana banyak aktiviti yang dilakukan secara bersama. Aktiviti mingguan yang dilakukan bersama seperti tahlilan kaum lelaki pada setiap malam jumaat secara bergilir-gilir. Manakala pada hari jumaat pula diadakan majlis yasinan bagi kaum wanita. Acara tersebut juga dilakukan secara bergilir-gilir.

Jadual 4 : Budaya Keturunan Jawa

Budaya Keturunan Jawa	Ya (%)	Tidak (%)
Rewang	100	
Sambatan		100
Kerigan		100
Mitoni	100	
Selapan	100	
Puputan	100	
Muyi/ Lek-lek 'an		100
Munjung	100	
Berkat	100	
Sego ambeng	100	
Banca'an	100	
Bubur abang	100	
Ayam engkong	100	
Slametan	100	
Bara'an	100	
Ruwah'an/Punggahan	100	

Sumber: Hasil Survey 2009

Berdasarkan jadual di atas terdapat tiga budaya keturunan Jawa yang sudah tidak diamalkan iaitu *mu'yi*, *sambatan* dan *kerigan*. *Sambatan* ialah gotong royong membantu penduduk kampung melakukan kerja-kerja seperti mendirikan rumah, memperbaiki rumah, bangsal kenduri kahwin dan lain-lain . Pada masa ini rumah-rumah penduduk kampung dibina oleh tukang rumah atau kontraktor. Manakala aktiviti gotong royong yang dipanggil *kerigan* telah diambil alih oleh kerajaan. Kerja-kerja seperti memperbaiki jalan, menebas taliair, jalan dan lain-lain diurus oleh kerajaan negeri.

### **Kesenian orang Melayu Keturunan Jawa**

Kesenian Jawa yang diketahui dan pernah disaksikan oleh responden ialah kuda kepeng dan wayang kulit. Namun wayang kulit sudah tidak pernah disaksikan lagi semenjak 1990an. Ia pernah disaksikan oleh majoriti responden pada tahun 1970an dan 1980an. Keadaan ini terjadi kerana dalang yang terdapat di daerah ini telah meninggal dunia. Satu-satunya dalang tersebut adalah generasi pertama yang datang dari Pulau Jawa. Masalah penggunaan bahasa Jawa halus yang asing dalam kalangan generasi kedua dan seterusnya menyebabkan wayang kulit mengalami kepupusan. Tambahan pula generasi-generasi yang lahir di Malaysia tidak menguasai bahasa Jawa halus maka mereka tidak memahami cerita yang disampaikan oleh dalang.

Kesenian kedua yang diketahui oleh responden ialah kuda kepeng. Jika wayang kulit pupus sebagai hiburan pada majlis keramaian sebaliknya bagi kuda kepeng. Kuda kepeng popular pada tahun 70an dan 80an dan semakin berkurangan selepas tahun 1990an.

Walaupun pada masa ini tarian kuda kepeng masih dipersembahkan pada majlis keramaian tetapi tidak sekerap tahun 70an dan 80an. Di daerah kajian ini hanya di Parit Puteri Menangis sahaja yang masih terdapat persembahan tarian kuda kepeng di majlis keramaian. Keadaan ini terjadi kerana di kampung tersebut terdapat kumpulan kuda kepeng. Selain itu, kuda kepeng tidak susah untuk dipelajari hanya gerak tari yang dipimpin seorang ketua. Kuda kepeng ditarikan oleh golongan muda. Manakala kesenian tradisional keturunan Jawa yang lain dianggotai oleh golongan tua. Apabila golongan tua meninggal dunia maka ilmu dan amalan kesenian tradisional pun turut berlalu pergi.

Biarpun kuda kepeng dapat diwarisi golongan muda namun ia juga semakin terpinggir kerana kesedaran beragama dalam kalangan generasi keturunan Jawa masa kini. Majoriti responden menolak kesenian tradisional Jawa kerana

ritual pemujaan yang dilakukan oleh dalang atau pawang sebelum memulakan persembahan.

Pemujaan dilakukan dengan menyediakan sembilan jenis sajen yang berupa makanan atau kuih serta bubur merah putih yang diberikan khusus kepada penari sahaja. Selain itu sajen untuk "makhluk halus" seperti kain putih, benang, jarum, bunga kenanga, kelapa muda, kemenyan, pisang emas, telur ayam, bedak, minyak wangi dan wang. Sebelum memulakan persembahan, gelanggang dibuka oleh pawang atau ketua dengan membakar kemenyan dan memperasap bahan sajian. Kemudian barulah menjemput roh kuda semberani datang bersama menjayakan permainan dan persembahan tersebut. Pawang juga memohon agar penari-penari dilindungi dan persembahan berjalan lancar. Fungsi sajen adalah untuk menjamu makhluk halus yang menguasai kawasan agar memberi keizinan dan tidak marah (Hasi Survey, 2009).

Tuan rumah dikehendaki menyediakan *sajen* ( sejumlah makanan seperti kuih muih, telur, ayam, pulut) untuk menjamu makhluk ghaib bagi memohon restu agar persembahan berjalan lancar tanpa gangguan. Selain itu kuda kepang yang sampai peringkat naik *syeh/mabuk/trance* dilihat sebagai sesuatu yang menakutkan dan merbahaya. Mereka yang naik *syeh* akan melakukan tindakan di luar kawalan seperti memanjat pokok kelapa untuk memetik buah kelapa, mengupas kelapa dengan gigi, makan kaca dan sebagainya. Perbuatan-perbuatan begini menurut responden adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Kemunculan industri budaya moden seperti CD, VCD dan karaoke telah menggantikan tempat hiburan seni tradisional di majlis-majlis keramaian. Alasan lain ialah banyak unsur-unsur syirik atau bertentangan dengan ajaran Islam. Kesenian tradisional yang popular ialah zapin, ghazal. Bentuk hiburan ini lebih diterima oleh masyarakat kerana tidak ada ritual-ritual yang bertentangan dengan ajaran agama.

**Kesimpulan**

Budaya adalah identiti bagi seseorang dan masyarakat. Melestarikan identiti yang dimiliki dan diwarisi daripada nenek moyang adalah amanah. Kemampuan generasi muda mempertahankan budaya keturunan Jawa di Pontian hingga ke hari ini adalah menakjubkan. Biarpun tidak semua kesenian dan budaya dapat dilestarikan sepenuhnya namun ia juga tidak hilang sama sekali.

Walaupun setiap orang Melayu keturunan mengamalkan budaya masing-masing namun ia bukan pemicu perbezaan tapi wadah untuk merapatkan hubungan. Perbezaan budaya dipelajari dan persamaan semakin dimengerti maka budaya keturunan dapat dilestarikan tanpa permusuhan dan kebencian.

## Bibliografi

Khazin Mohd Tamrin, 1987, *Orang Jawa Di Selangor Penghijrahan Dan Penempatan 1880 – 1940*, DBP dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

Koentjaraningrat, 1984: *Kebudayaan Jawa*, PN Balai Pustaka, Jakarta:29

Marbangun Hardjowirogo, *Manusia Jawa*, CV Haji Masagung, Jakarta.

Nik Mustapha Nik Mohd Salleh, 1998. *Alat Muzik Tradisional di dalam Masyarakat Melayu di Malaysia*. Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Kuala Lumpur.

### Majalah

Asmah Hj. Omar, *Dewan Bahasa*, Julai 1965, DBP, Kuala Lumpur.

### Bahan Tidak Diterbitkan

Sahgidon Dirhan, 2004, *Sejarah Pentadbiran Penghulu dan Pembukaan Kampung-kampung Di Pontian Johor*.

### Internet

[Http://id.wikipedia.org/wiki/Ande\\_ande](http://id.wikipedia.org/wiki/Ande_ande)

**11.21. KELESTARIAN BUDAYA ORANG MELAYU KETURUNAN JAWA DAN  
PERDAMAIAN : KAJIAN KES DI PONTIAN JOHOR**

Oleh :

Soijah Likin

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
(Universiti Sains Malaysia)

**ABSTRAK**

Keberadaan orang Jawa di Malaysia amnya dan di Johor khususnya adalah bukti penghijrahan keluar orang Jawa daripada negara asal iaitu Indonesia. Hakikatnya kewujudan keturunan Jawa bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara-negara lain seperti Suriname, New Caledonia, Belanda, Singapura dan lain-lain. Biarpun generasi pertama yang berhijrah telah tiada tetapi budaya Jawa yang diajarkan kepada anak cucunya tetap hidup. Warisan budaya Jawa yang dibawa oleh penghijrah awal tetap terlestari dari satu generasi ke satu generasi kerana sikap masyarakat tempatan yang menerimanya sebagai kepelbagaian dan bukan ancaman. Di daerah kajian ini setiap masyarakat hidup dengan kelompok masing-masing. Setiap kelompok masyarakat dipisahkan dengan kampung. Orang Melayu tinggal di kampung Melayu iaitu di pekan (bandar kecil) kemudian keturunan Jawa dan kampung yang terakhir ialah keturunan Bugis. Masing-masing masyarakat mengamalkan budaya dan bahasa masing-masing. Pekan (bandar kecil), kedai-kedai runcit, warung kopi, majlis perkahwinan, kematian merupakan medium untuk mereka berinteraksi dan bergaul. Biarpun mereka tinggal berkelompok, mengamalkan budaya dan bahasa yang berbeza tetapi mereka hidup secara aman damai. Malahan terdapat juga budaya keturunan Jawa yang kini diamalkan oleh orang Melayu dan keturunan Bugis seperti *rewang*, *munjung*, *berkat*. Kepelbagaian keturunan dan etnik di daerah ini merupakan salah satu faktor penyumbang kemajuan Johor dalam pelbagai bidang. Bersedia menerima antara satu sama lain membolehkan masyarakat keturunan di daerah ini melestarikan budaya keturunan tanpa mencetuskan konflik dengan masyarakat setempat.



# SKIM-XI

Simposium Kebudayaan  
Indonesia – Malaysia



10-12 November 2009

Kampus Iwa Koesoemasoemantri, Universitas Padjadajaran  
Jln. Dipatiukur No. 35, Bandung 40132 Indonesia

*Ema Utama*

Pembangunan untuk Kesejahteraan dan Perdamaian:  
Pengalaman Indonesia dan Malaysia

## Panduan Acara & Abstrak

	dan Pendidikan Moderator: Prof. Dr. Fatimah D.J.	Parang Baronga (L.209)	Prestasi Belajar Mahasiswa Jenjang magister <i>Pilot Project</i> pada Program Magister Profesi Psikologi Angkatan 2008 Universitas Padjadjaran	Urip Purwono
			2. Politik Multikulturalisme Novel-Novel Indonesia	Aprinus Salam (Fakultas Ilmu Budaya UGM)
			3. Membina Jati Diri Bangsa Melalui Bahasa, Sastera dan Budaya: Satu Harapan, Satu Tujuan	Arba'ie Sujud Normaliza Abdul Rahim (Universiti Putra Malaysia)
			4. Impak Bahasa Inggeris Terhadap Identiti Siswazah Melayu di Malaysia	Azizah Ya'acob Lee King Siong Wong Fook Fei Lee Su Kim (UKM)
			5. Pengajaran Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia dan Indonesia: Satu Kajian Bandingan	Hayati Sharil Prof. Madya. Dr. Zamri Arifin (UKM)
			6. Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Bumiputera Sabah dari Segi Aspek Tatabahasa: Suatu Analisis Linguistik	Prof Dr Nor Hashimah Jalaluddin Prof Dr Zaharani Ahmad Thresa Jabah (UKM)
11	11 Institusi Kepemimpinan Tradisional dan Dinamika Sosial Budaya Masyarakat Sipil dan Adat Moderator: Dr. Opan Suhendi, M.Si	Ruang Parang Rusak (L.210)	1. Mitos dan Komunikasi Pola Makan	Dr. Anne Ratnasari (FIKOM UNISBA)
			2. Masyarakat Tribalisme Di Indonesia	B. Soediadi Adi Purwanto, MA (FISIP UNPAD)
			3. Peran Perempuan dalam Sistem Kebun Talun di Desa Karamatmulya, Kecamatan Soreang, Kabupaten Bandung, Jawa Barat	Dede Tresna, M.Si (FISIP UNPAD)
			4. Pembangunan Tanah Adat: Pengalaman Mengendalikan Tanah Adat/Ulayat di Malaysia dan Indonesia	Dr Azima Abdul Manaf (UKM)
			5. Kelestarian Budaya Dan Perdamaian Dalam Kalangan Keturunan Jawa : Kajian Kes Di Pontian, Johor	Soijah Likin (USM)
			6. Melestari Budaya Kadazan Dusun Menerusi	Mohammad Puad Bin Bebit



UNIVERSITAS  
PADJADJARAN

# SERTIFIKAT

*Diberikan kepada*

*Puan Soifah Likin*

---

*Sebagai*

*Pemakalah*

---

*dalam Simposium Kebudayaan Indonesia - Malaysia ( SKIM ) XI  
dengan tema : Pembangunan untuk Kesejahteraan dan Perdamaian:  
Pengalaman Indonesia dan Malaysia*

*yang diselenggarakan pada tgl. 10 - 12 November 2009  
di Kampus Iwa Koesoemasoemantri Universitas Padjadjaran*

*Bandung, 12 November 2009*

*Rektor  
Universitas Padjadjaran,*

*Prof. DR. Ir. Gandjar Kurnia, DEA*

*Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia ,*

*Prof. Tan Sri Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin*

